

Najib, Rosmah berlepas ke Australia
Malaysiakini.com
March 2, 2011

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berlepas ke Australia hari ini, untuk melakukan lawatan rasmi tiga hari bagi memperkukuhkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Najib yang diiringi isterinya Datin Seri Rosmah Mansor berlepas dengan menaiki pesawat khas, kira-kira jam 10 pagi di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

Lawatan itu atas jemputan rakan sejawatannya, Julia Gillard sebagai membalas lawatan rasmi beliau ke negara ini, pada tahun lalu.

Ini lawatan pertama Najib ke Australia sejak memegang jawatan Perdana Menteri.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/157462>